

>>2,191 daripada 7,390 premis tidak memiliki Sijil Perakuan Bomba pada 2015



ANGGOTA tentera membantu membersihkan kesan kebakaran di tingkat tiga selepas kebakaran di ICU tingkat dua.

PESAKIT diangkat menggunakan tilam.



TAK WAD ICU SELAMAT

- Tiada kelengkapan sistem keselamatan cegah kebakaran
- Status FC masih dalam permohonan

Honimetro
27/10/15
ms 10-11



KAKITANGAN hospital menyelamatkan pesakit dari tingkat satu, semalam.

TRAGEDI HSA

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada kelengkapan sistem keselamatan pencegahan kebakaran manakala Sijil Perakuan Bomba (FC) berstatus masih dalam permohonan.

Itu penemuan awal siasatan berhubung tragedi kebakaran di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, kelmarin, yang meragut enam nyawa pesakit.

Menurut sumber, siasatan awal pihak berkuasa mendapati wad ICU berkenaan tidak mempunyai sebarang sistem keselamatan kebakaran yang diperakui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
“Wad ICU itu tiada sistem

keselamatan yang sepatutnya...tiada,” katanya kepada Harian Metro, semalam.

Dalam kebakaran yang berlaku kira-kira jam 8.50 pagi kelmarin, enam daripada tujuh pesakit di wad ICU itu membabitkan empat wanita dan dua lelaki maut, manakala seorang pesakit wanita terselamat, namun tubuhnya melecur 80 peratus.

Mangsa yang terkorban dikenali sebagai K Logeswaran, 20; Choo Lin Fung, 37; Toh Ah Wah, 60; Yusuf Hasan, 53; M Kaliama, 23, dan C Neeramala Devi, 24.

Kejadian sama turut menyebabkan dua kakitangan HSA dimasukkan ke ICU Hospital Sultan Ismail, manakala seorang lagi dirawat di hospital berkenaan.

Mengulas lanjut, sumber itu berkata, selain tiada ciri keselamatan di wad ICU berkenaan yang dipercayai

“**Wad ICU itu tiada sistem keselamatan yang sepatutnya...tiada**”

Sumber

lokasi bermula kepada kebakaran, status FC untuk seluruh HSA juga masih dalam permohonan.

“Berkait FC ini, orang ramai perlu tahu ia perlu dilakukan setiap tahun. Semakan mendapati status bagi HSA masih dalam permohonan,” katanya.

Menjawab soalan wartawan bagaimana wad ICU itu boleh digunakan walaupun tiada sebarang sistem pencegahan kebakaran di bilik berkenaan itu berkata, pihak pengurusan HSA sepatutnya menyediakannya.

“Ia di bawah tanggungjawab pengurusan HSA. Selepas semua dipaparkan (sistem pencegahan kebakaran), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan dipanggil untuk memeriksanya sebelum memberikan FC,” katanya.

Harian Metro meneruskan laporan khas pada 8 Jun melaporkan ada hospital kilang dan hotel bajet di seluruh negara termasuk dalam senarai ‘perangkap maut’ kerana tidak memenuhi ciri keselamatan ditetapkan JBPM atau mengabaikan teras aspek berkenaan.

Rekod JBPM pada 2015



27-10-2016

FOTO: MOHD YUSNI ARIFFIN



KAKITANGAN hospital diarah meninggalkan bangunan akibat kebakaran kecil, semalam.



PESAKIT di tingkat satu wad pembedahan terpaksa dipindahkan ke kawasan selamat.



Wad bedah keluar asap pula

Johor Bahru: Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini, sekali lagi digemparkan dengan kebakaran kecil akibat percikan api di wad pembedahan di tingkat satu bangunan induk hospital berkenaan yang masih dalam kerja pembaikan, petang semalam.

Kejadian berlaku kira-kira jam 1.50 tengah hari itu dipercayai berpunca akibat limpahan air susulan kerja pembersihan lantai di tingkat dua bangunan terbabit sehingga mengakibatkan sebahagian kakitangan hospital bergegas keluar untuk menyelamatkan diri.

Bagaimanapun, mereka kemudian dibenarkan masuk semula selepas keadaan kembali pulih kira-kira 30 minit kemudian.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisioner Sulaiman Salleh berkata, siasatan mendapati berlaku percikan api pada wayar terletak di bilik pembedahan itu.

“Difahamkan usaha pembersihan di tingkat dua (wad Unit Rawatan Rapi) sedang dibuat bagi membersihkan kesan kebakaran yang berlaku pada pagi semalam (kelmarin).

“Keadaan itu menyebabkan

air mengalir mengikut wayar elektrik ke tingkat satu di ruang hadapan wad pembedahan dalam pembaikan menyebabkan berlaku percikan api kecil,” katanya kepada media, di sini.

Menurutnya, walaupun tidak berlaku letupan, tetapi usaha memadam kebakaran kecil itu dilakukan anggota bomba yang melaksanakan pemantauan 24 jam di kawasan hospital berkenaan. Beliau juga mengesahkan tidak ada mangsa yang tercedera atau terkorban dalam kejadian itu dan keadaan dilaporkan terkawal.




ANGGOTA bomba membuat pemeriksaan selepas berlaku kebakaran kali kedua.

menunjukkan 7,390 premis ditetapkan perlu memiliki FC antaranya membabitkan kategori perpustakaan, hospital atau pusat rawatan, hotel, asrama, pejabat, kedai, kilang, tempat perhimpunan serta storan am.

Namun hanya 5,199 daripada jumlah itu mempunyai FC manakala selebihnya iaitu 2,191 premis gagal memilikinya.

Pecahan yang tidak memiliki perakuan itu termasuk hospital, rumah rawatan (klinik) iaitu sebanyak 40 premis, perpustakaan (19 premis), hotel (419 premis), asrama/ domitori (97 premis), pejabat (379 premis), kedai (186 premis), kilang (848 premis), tempat perhimpunan (63 premis) dan storan/ am sebanyak 140 premis.



KKM tubuh audit runtkai tragedi

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menubuhkan jawatankuasa khas yang berperanan menyiasat seterusnya mengenal pasti premis atau bangunan hospital dan klinik kesihatan yang didapati tidak mempunyai ciri keselamatan ditetapkan untuk tindakan lanjut.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengauditan akan dijalankan menerusi jawatankuasa khas yang baharu ditubuhkan itu untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, pihaknya

hanya akan melakukan tindakan susulan apabila keputusan daripada jawatankuasa berkenaan diperoleh supaya penambahbaikan atau pembaharuan dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

“KKM akan melakukan audit dalam masa terdekat ini untuk merungkai punca sebenar kejadian dan tindakan lanjut akan dilaksanakan secepat mungkin,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Institut Keselamatan dan

Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye mencadangkan amalan penyelenggaraan terhadap sistem keselamatan di semua bangunan berkepentingan awam di seluruh negara dibudayakan.

Ini kerana, katanya, budaya penyelenggaraan sistem keselamatan di negara ini masih pada tahap lemah terutama membabitkan bangunan lama.

“Dalam pengetahuan saya, amalan penyelenggaraan sistem keselamatan di kebanyakan premis/ bangunan berkepentingan awam terlalu lemah.

“Insiden kebakaran membabitkan hospital seperti yang berlaku di HSA berkemungkinan boleh dielakkan sekiranya wujud sistem penyelenggaraan yang baik,” katanya yang menyambut baik penubuhan suruhanjaya siasatan oleh kerajaan bagi menyiasat punca sebenar insiden berkenaan.



KKM akan melakukan audit dalam masa terdekat ini untuk merungkai punca sebenar kejadian dan tindakan lanjut akan dilaksanakan secepat mungkin”

Dr Noor Hisham

